

Polis selesai siasat

Nik Aziz

UM 25 SEP 2002
KANTAU PANJANG 24

Sept. — Polis telah menyelesaikan siasatan ke atas kes Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mengaitkan Allah sebagai 'samseng' dan siasatan kini ditumpukan kepada dakwaan terbaru Menteri Besar Kelantan itu yang mendakwa Perdana Menteri tidak tahu membaca al-Quran.

Timbalan Ketua Polis Kelantan, Senior Asisten Komisioner II, Abdul Aziz Nawawi berkata, pihaknya kini menunggu masa yang sesuai untuk menyerahkan hasil siasatan berhubung kenyataan Nik Aziz mengenai Tuhan itu ke Pejabat Peguam Negara untuk tindakan lanjut.

"Siasatan (kes samseng) sudah selesai dan kita menunggu untuk menyerahkannya ke pejabat Peguam Negara," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis perasmian kerjasama rondaan bersama sempadan ke-9 2002 Kelantan/Narathiwat di Markas Taktikal Pasukan Gerakan Am (PGA), Lubok Stoi di sini, hari ini.

Berhubung kes membatik Perdana Menteri, Abdul Aziz berkata, polis telah memulakan siasatan di bawah Seksyen 500 Akta Hasutan ke atas laporan yang dibuat oleh seorang peniaga yang mendakwa Menteri Besar mengeluarkan kenyataan kononnya Datuk Ser Dr. Mahathir Mohamad tidak tahu membaca al-Quran.

Laporan polis itu dibuat di Ibu Pejabat Daerah Polis Bachok oleh seorang peniaga, Mohd. Zain Yassim, 37, petang semalam.

Mohd. Zain mendakwa Nik Aziz mengeluarkan kenyataan itu ketika berucap pada satu majlis pemimpin bersama rakyat di Sekolah Menengah Agama Arab Beris Lalang di sini, kira-kira pukul 11 malam, Jumaat lalu.